

Air disebut aya'k', 'ayiak', kotor disebut 'behempidiak'

Perlis punyai 25 dialek berbeza

Oleh **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB** dan **SYED AZLAN SAYID**
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my /pix

KANGAR: Meskipun Perlis negeri paling kecil dengan penduduk sekitar 200,000 orang, namun siapa sangka negeri ini sebe-



**WAN NAN
WAN
MAHMUD**

narnya mempunyai lebih 25 dialek berbeza.

Difahamkan, perbezaan dialek yang dipertuturkan penduduk itu mengikut mukim atau kawasan-kawasan tertentu selain terdapat sedikit pengaruh Thailand dan Kedah. Sebagai rekod, terdapat antara 2,500 hingga 2,600 perkataan dialek Perlis termasuk perkataan umum negeri-negeri utara.

Perlis yang berkeluasan 819 kilometer persegi iaitu lebih kecil dari daerah Padang Terap, Kedah mempunyai 22 mukim dan setiap mukim tersebut dikatakan mempunyai dialek yang cukup unik khususnya membabitkan percakapan penduduk di Abi, Panggas, Titi Tinggi, Kuala Perlis, Beseri dan Padang Besar.

Sebagai contoh, sebutan perkataan air di sebelah kawasan Padang Malau, Beseri disebut aya'k' manakala penduduk di Padang Pauh menyebut 'ayiak'. Jarak antara kedua kawasan itu tidak sampai 10 kilo-



SEKUMPULAN kanak-kanak bermain di Wang Belimbing, Kangar, Perlis. - **UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**

meter.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penyusun kamus dialek Perlis, Wan Nan Wan Mahmud berkata, jumlah dan perbezaan dialek atau loghat Perlis itu direkodkan berdasarkan kajian beberapa tokoh dan peminat bahasa.

"Sudah tentulah ada tempias

daripada pengaruh bahasa yang dipertuturkan oleh penduduk di kawasan terbabit. Sebagai contoh, penduduk kawasan Titi Tinggi dan Padang Besar bercakap dengan dialek Thailand (Siam) manakala penduduk sekitar Kodiang dan Sanglang pertuturannya berbaur loghat Kedah.

"Sering juga menjadi persoalan kepada pengkaji bahasa bagaimana lahirnya pelbagai dialek itu dan hakikatnya jika mengikut sejarah kewujudannya ia sukar diselidiki dan belum ada pengkaji khusus yang boleh menjelaskan dengan tepat perkara ini," katanya.

Malah ujarnya, kadangkala, sesuatu perkataan itu hanya digunakan di kawasan tersebut dan tidak digunakan di kampung bersebelahan.

"Contohnya, sebutan perkataan air di sebelah kawasan Padang Malau, Beseri disebut 'aya'k' manakala penduduk di kawasan Padang Pauh ada yang menyebut 'ayiak'. Lebih menarik di antara Kampung Padang Malau dan kawasan Padang Pauh itu terletak kawasan Paya dan penduduk di kawasan berkenaan menggunakan perkataan 'behempidiak' atau 'behempiliak' bermaksud comot, kotor atau tidak kemas.

"Perkataan tersebut biasanya hanya digunakan di kawasan berkenaan sahaja dan tidak digunakannya dua kawasan bersebelahannya, jika ada pun, ia dibawa oleh penduduk Paya yang berhijrah ke kawasan lain," katanya.